

# ASEAN: Kejayaan negara hasil komitmen jentera kerajaan

Oleh MAISARAH  
SHEIKH RAHIM  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kecekapan, dedikasi dan semangat berpasukan semua pihak menjadi kunci kejayaan Malaysia selaku tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 yang berakhir Selasa lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kelancaran penganjuran sidang berprofil tinggi itu hasil komitmen luar biasa seluruh jentera kerajaan dan sokongan rakyat yang memahami peranan serta tanggungjawab negara di pentas antarabangsa.

“Saya lihat di semua peringkat, anak-anak kita, penjawat awam, semuanya hebat. Dari lapangan terbang, perbarisan, polis, imigresen, Malaysia Airports, pengurusan hotel, Kementerian Luar yang menyelaras, hinggalah ke Jabatan Perdana Menteri yang menguruskan protokol.

“Saya pun pening dengan protokol, tapi saya hormat dan ikut apa yang diarahkan oleh pegawai, sebab kita sebuah negara yang ada peraturan dan bekerja secara berpasukan,” katanya berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini semalam.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 berlangsung dua hari dan menyaksikan beberapa siri pette-



**ANWAR Ibrahim berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri bersama Warga Kerja Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Bulan Mei 2025 di Dewan De Seri Endon, Puspanitapuri Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR**

muan berprofil tinggi memfokus kepada penguatan kerjasama serantau dan perkongsian strategik.

Antara acara utama ialah Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) Ke-2, Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China dan Sidang Kemuncak Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) Ke-16.

Malaysia memegang jawatan

Pengerusi ASEAN pada 2025 dengan tema Keterangkuman dan Kemampanan, buat kali kelima selepas tahun 1977, 1997, 2005 dan 2015.

Anwar turut menekankan pentingnya kerjasama dalam kalangan pemimpin ASEAN bagi membuat keputusan kolektif tanpa menjejaskan kepentingan negara masing-masing.

“Kita nak buat keputusan bersama termasuk berkenaan

tarif era Presiden Trump. Setiap negara ada strategi masing-masing untuk hubungan dua hala, tetapi dalam masa sama, kita juga perlu pertahankan kepentingan lebih 650 juta penduduk ASEAN.

“Jangan ada satu keputusan yang dibuat oleh Malaysia merugikan negara lain atau keputusan oleh Vietnam merugikan negara jiran. Kita bergerak sebagai satu pasukan,” katanya.